JAKOA
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

KERATAN AKHBAR

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Khamis – 3 Disember 2020

Halaman : 33

# Tiada kes pedofilia dilaporkan

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mendakwa pihaknya tidak menerima sebarang laporan kes pedofilia dalam kalangan masyarakat berkenaan.

Ketua Pengarahnya, Prof. Dr. Juli Edo berkata, menerusi siasatan pegawainya yang bersama-sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sepanjang menjalankan program kesedaran di perkampungan Orang Asli, tiada laporan dibuat daripada penduduk kampung.

"Pegawai Jakoa daerah juga telah mendapatkan pengesahan daripada ketua kampung atau Tok Batin serta penduduk kampung terlibat.

"Tiada aduan dikemukakan berkenaan kes pedofilia seperti yang didakwa," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Beliau mengulas dakwaan NGO, Helping Shoulder bahawa berlaku kes pedofilia dalam kalangan komuniti berkenaan selepas penganjuran kempen kesedaran pedofilia di Negeri Sembilan, Julai tahun lalu.

Presidennya, Lila Ruzaini Mohd. Hussin bagaimanapun berkata, pihaknya tiada maklumat terperinci atau data terkumpul berkenaan pedofilia membabitkan Orang Asli kerana kebanyakan kes tidak dilaporkan.

Beliau berkata ia berikutan kesedaran jenayah pedofilia di negara ini masih kurang malah menyifatkannya sebagai 'tabu' dalam kalangan masyarakat dan tidak wajar dibincangkan secara terbuka.

Malah, secara keseluruhan kes yang berlaku di negara ini, ada yang menarik semula laporan berikutan konflik keluarga yang tidak mahu membesar-besarkan perkara tersebut sekali gus menyukarkan pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan.

Ketika ini, jumlah populasi penduduk Orang Asli dianggarkan terdapat 190,000 di seluruh negara.

Mengulas lanjut, Juli berkata, sekiranya dakwaan itu benar, Jakoa tidak teragak-agak mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan kes tersebut berleluasa.

"Jakoa sentiasa memberi kerjasama penuh dengan mana-mana agensi kerajaan, NGO dan individu yang ingin melaksanakan aktiviti kesedaran mengenai pedofilia supaya masyarakat Orang Asli di seluruh negara lebih memahami keburukan pedofilia dalam masyarakat," katanya.

## Pedofilia Orang Asli membimbangkan

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN

**KUALA LUMPUR:** Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendedahkan berlakunya jenayah pedofilia dalam kalangan Orang Asli di negara ini yang dilihat semakin membimbangkan.

NGO terbabit, Helping Shoulder mendapati, terdapat tiga kes pedofilia dilaporkan dalam sehari membabitkan komuniti itu.

Bagaimanapun Presidennya, Lila Ruzaini Mohd. Hussin berkata, pihaknya tiada maklumat terperinci atau data terkumpul berkenaan pedofilia



"Saya juga melihat kadar kes ini lebih tinggi di kawasan jauh pedalaman kerana pemahaman dan pendedahan terhadap pedofilia kurang."

kalangan masyarakat dan tidak wajar dibincangkan secara terbuka.

Pedofilia merupakan penyakit mental iaitu keinginan seseorang melampiaskan nafsu seksual dengan kanak-kanak secara berterusan selama minimum enam bulan. Walaupun seseorang itu hanya mempunyai keinginan, berkhayal, ber fantasi, membayangkan seksu terhadap kanak-kanak tan menyentuh mereka, ia dianggap sebagai pedofilia.

Ogos lalu, Timbalan Ment Pembangunan Wanita, K arga dan Masyarakat, Datuk Zailah Mohd. Yusoff berk berdasarkan rekod enam b pertama tahun ini, seium

Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN), Negeri Sembilan di Kampung Jeram Kedah, Negeri Sembilan, Julai tahun

UTUSAN Malaysia 2 Disember 2020.



JULI EDO

> "Pegawai Jakoa daerah juga telah mendapatkan pengesahan daripada ketua kampung atau Tok Batin serta penduduk kampung terlibat."
>
> JULI EDO